

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

SOALAN NO. 504

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemohon dan pertanyaan untuk pinjaman mikro penjaja dan SMEs RM50 juta yang diproses oleh BSN buat masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 20 Mac 2019, Bank Simpanan Nasional yang dilantik sebagai agen bagi menguruskan Skim Pembiayaan Usahawan Komuniti Cina (SPUKC) telah menyalurkan sebanyak RM17.2 juta kepada 429 pemohon seluruh Malaysia. Skim SPUKC ini adalah bertujuan untuk memberi pinjaman kepada Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) komuniti Cina dari segi mendapat bantuan aliran tunai untuk keperluan modal kerja dan pembelian aset. Perbezaan di antara kerajaan lama dan kerajaan PH ialah dana ini tidak diuruskan oleh suatu institusi yang dikuasai oleh parti politik MCA tetapi oleh sebuah bank milikan kerajaan.

Pinjaman kredit pusingan ini adalah pada kadar 4% setahun dengan tempoh pinjaman selama 1 hingga 5 tahun. Sebarang maklumat lanjut / brosur berkenaan skim ini boleh didapati di setiap cawangan BSN seluruh Malaysia.